

Kematian Khir Johari mengejutkan veteran UMNO

Oleh ZABRY MOHAMAD

Um - 20/11/2016

KUALA LUMPUR 19 Nov. – Berita kematian Tan Sri Mohamed Khir Johari, 83, hari ini benar-benar mengejutkan rakan-rakan seperjuangannya dalam UMNO, kerana Allahyarham sebelum ini tidak dilaporkan sakit teruk.

Dua veteran UMNO yang dihubungi berkata, sukar bagi mereka mempercayai berita itu sehinggalah disahkan oleh rakan-rakan yang lain.

Bekas Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Sabaruddin Chik berkata, sebaik menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada seorang rakannya mengenai berita itu, beliau amat terkejut dan sukar hendak percaya.

Ini kerana jelasnya, beliau tidak mendingar sebarang berita mengenai Allahyarham dimasukkan ke hospital disebabkan masalah kesihatan.

“Saya tahu arwah sudah lama sakit tapi tidak dengar pun dia dimasukkan ke hospital.

“Sebelum ini pun bila jumpa dia pada suatu majlis, dia nampak agak sihat, cuma makan agak perlahan,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Allahyarham Mohamed Khir yang merupakan bekas Menteri Pelajaran pertama negara menghembuskan nafas terakhir akibat serangan jantung di kediamannya di Kondominium Suasana Central, Jalan Stesen, Kuala Lumpur Sentral pada kira-kira 10.20 pagi ini.

Sementara itu, Tan Sri Aishah Ghani turut melahirkan rasa terkejut dengan berita berkenaan.

“Saya ada bertemu Allahyarham dalam satu majlis perkahwinan sebelum ini.

“Beliau nampak agak sihat, jadi tentulah saya terkejut bila mendengar beliau meninggal dunia hari ini,” jelasnya.

Beliau menambah, sepanjang hayatnya, Allahyarham merupakan orang kanan bekas Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

“Allahyarham begitu taat kepada Tunku dan menjadi orang kepercayaan Tunku.

“Apa saja masalah yang timbul dalam negara atau parti, Allahyarham memainkan peranan besar bersama-sama Tunku menyelesaikannya,” katanya.

Seorang lagi pemimpin UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah menyifatkan Allahyarham sebagai pemimpin kerajaan yang bertanggung jawab mewujudkan zon perdagangan bebas di Pulau Pinang dan Petaling Jaya hingga ia membawa kemajuan ekonomi kepada masyarakat khususnya dalam mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

“Beliau membawa masuk banyak pelabur asing ketika menyandang jawatan Menteri Perdagangan dan Industri, ini memberi pendapatan dan peluang pekerjaan kepada penduduk ketika itu,” katanya.

Salah seorang anak Allahyarham, Haizan Mohamed Khir pula berkata, walaupun sudah lama bersara, bapanya tetap aktif dalam pelbagai kegiatan politik dan badan bukan kerajaan (NGO) namun ia mula berkurangan sejak akhir-akhir.

“Bila usia beliau semakin meningkat, bapa saya sudah mengurangkan banyak kegiatan hariannya sehinggalah beliau meninggal dunia pagi ini,” ujarnya.